

06/04/2002

`Shit novel jenayah, politik lucah'

Salbiah Ani

NOVEL Shit karya Sasterawan Negara (SN), Prof Emeritus Datuk Dr Shahnon Ahmad, diletakkan dalam kategori novel jenayah dan kelucahan politik yang tidak ada tolok bandingnya dalam sejarah kesusasteraan Melayu negara ini.

Setiausaha Kementerian Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin, meletakkan novel itu dalam kategori berkenaan ketika merasmikan Wacana Novel Finalis Anugerah Sako 2 di Sudut Wacana Atma, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), di Bangi, semalam.

"Shit dihasilkan atas kebencian pengarangnya dan lebih 80,000 naskhah novel itu terjual pada masa yang singkat.

Naskhah yang terjual seolah-olah menggambarkan orang Melayu sudah bertamadun. Bagaimanapun berapa ramai sebenarnya yang membaca novel itu," katanya.

Hadir sama pada majlis itu ialah Timbalan Pengarah, Institut Alam dan Tamadun Melayu (Atma); Prof Dr Robiah Saidin dan Fellow Penyelidik Kanan Atma, Prof Datuk Dr Wan Hashim Wan Teh serta Ketua Penolong Setiausaha Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Noorsiah Sabri.

Selain meletakkan Shit sebagai novel jenayah dan kelucahan politik yang melampau, Zainuddin membandingkan karya Prof Emeritus Shahnon dengan calon Hadiah Nobel dari Indonesia, Pramodya Ananta Toer.

"Prof Emeritus Shahnon tidak boleh disamakan dengan Pramodya kerana beliau menghasilkan karya politik yang menentang sistem secara intelektual dan kerana itu pengarang Indonesia itu diterima masyarakat antarabangsa," katanya.

Sungguhpun demikian Zainuddin menjelaskan, beliau tetap tidak bersetuju dengan cadangan sesetengah pihak pada masa itu, agar gelaran SN yang diterima Prof Emeritus Shahnon ditarik balik kerana anugerah itu diterima berdasarkan sumbangannya kepada dunia penulisan kreatif sebelum kes berkenaan.

"Saya berpegang kepada pendirian pengiktirafan tokoh perlu diberikan ketika ada hayat mereka dan bukan selepas kepulangan mereka ke rahmatullah seperti yang terjadi kepada Seniman Agung, Allahyarham P Ramlee," katanya.

Pada majlis sama, Zainuddin menyuarakan kebimbangannya mengenai budaya politik menghentam orang yang sudah mati dan perkara itu dikatakan semakin menjadi-jadi dalam masyarakat Melayu hari ini.

"Saya percaya kekuatan orang Melayu tidak ada pada orang lain sehingga mereka berjaya mendapatkan kemerdekaan tanpa perlu menumpahkan darah dan kerana itu orang Melayu tidak mudah dibeli dengan wang sekalipun hanya untuk melakukan demonstrasi.

"Allahyarham Tengku Abdul Rahman, Allahyarham Tun Abdul Razak dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad `dihakiskan' kelompok tertentu tetapi orang yang `dikafirkan' inilah yang membina institusi berteraskan keislaman dan perlembagaan.

"Pragmatisme Timur Barat yang menyebabkan kita berada dalam kelainan. Kita memperbaiki institut Islam yang dibangunkan dan tidak terikat dalam pemikiran yang jumud dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai insan Muslim," katanya.

Zainuddin mengingatkan semua pihak tanggungjawab bersama untuk membuka minda masyarakat khususnya generasi muda agar mereka dapat membezakan di antara ilusi dan realiti politik di negara ini.

(END)